

## KEMPEN BAYAR BIL MELALUI HLB CONNECT

Kali terakhir dikemaskinikan pada 15 Jun 2021

### Tempoh Kempen

“**Kempen Bayar Bil Melalui HLB Connect**” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (“secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 16 Jun 2021 dan berakhir pada 15 September 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### Terma dan Syarat

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“**T&S**”):

### Kelayakan

1. Kempen ini adalah untuk menggalakkan pembayaran bil menggunakan HLB Connect (“**Pembayaran Bil**”) dan dibuka kepada:
  - (i) Pengguna Connect sedia ada yang merupakan pemegang Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun-i Semasa atau Simpanan HLISB (“**CASA /CASA-i**”) atau pelanggan Kad Kredit HLB yang tidak melaksanakan sebarang Pembayaran Bil dalam masa seratus lapan puluh (180) hari yang lalu (“**Pengguna Connect sedia ada**”); atau
  - (ii) Pengguna Connect baharu yang mendaftar untuk HLB Connect sepanjang Tempoh Kempen, yang merupakan pemegang akaun CASA /CASA-i atau pelanggan Kad Kredit Bank yang mendaftar dan melaksanakan Pembayaran Bil (“**Pengguna Connect Baharu**”).
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
  - (i) yang telah melakukan, atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB;
  - (ii) yang menghadapi prosiding muflis atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan/atau
  - (iii) yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang mentadbir CASA/CASA-i atau Kad Kredit Bank pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.
3. Pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan yang berkaitan seperti ditakrifkan dalam Klausula 1 di atas boleh menyertai Kempen ini dan berpeluang memenangi pulangan tunai dengan jumlah berikut dan dalam jangka masa yang berkaitan: -

Jangka masa	Jenis pelanggan	Jumlah Pulangan Tunai (Ringgit Malaysia)
Sepanjang Tempoh Kempen	Pengguna Connect sedia ada	Tiga puluh (RM30.00) sahaja
	Pengguna Connect baharu	Empat puluh (RM40.00) sahaja
07 Julai 2021 – 13 Julai 2021 (“ <b>Tempoh Hari Digital</b> ”)	Pengguna Connect baharu	Tujuh puluh (RM70.00) sahaja (RM40 + ekstra RM30)

### Tatacara Kempen dan Pemilihan Pemenang

1. Untuk melayakkan diri, Pelanggan perlu melaksanakan transaksi pembayaran bil minimum sebanyak Lima Puluh Ringgit (RM50) melalui Perbankan Dalam Talian Connect/Aplikasi Connect sepanjang Tempoh Kempen.
2. Hanya transaksi pembayaran bil yang dibayar melalui JomPAY atau pembil/penjual secara terus dalam HLB Connect sahaja yang layak untuk menerima Pulangan Tunai.

3. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Pulangan Tunai, Bank akan memperuntukkan nombor siri kepada setiap pelanggan yang layak mengikut siapa yang cepat bermula daripada nombor siri "1" sepanjang Tempoh Kempen.
4. Tertakluk pada Klausula 6 dalam Tatacara Kempen ini dan bahagian Pemilihan Pemenang, setiap 30 Pemenang yang Layak, iaitu yang ke-30, ke-60, ke-90, ke-120, ke-150 dan seterusnya yang membuat pindahan pembayaran bil dalam sistem HLB akan dipilih untuk memenangi sama ada pulangan tunai RM30.00 atau RM40.00 bergantung pada kategori pengguna. Jumlah pemenang, sama ada Pengguna Connect yang Baharu atau Pengguna Connect yang Sedia Ada akan dihadkan kepada lapan ratus tujuh puluh lima (875) orang pemenang setiap bulan kempen.

Bulan Kempen	Tempoh	Bil. Pemenang
1	16 Jun 2021 – 15 Julai 2021	875
2	16 Julai 2021 – 15 Ogos 2021	875
3	16 Ogos 2021 – 15 September 2021	875

5. Sebagai tambahan, dalam Tempoh Hari Digital, seramai empat ratus enam puluh enam (466) orang Pengguna Connect Baharu akan layak untuk menerima pulangan tunai RM30 ekstra.
6. Pelanggan yang layak boleh memenangi hanya satu (1) pulangan tunai sepanjang Kempen ini.
7. Pulangan tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.
8. Jumlah peruntukan bagi kategori pengguna Connect Sedia Ada dan kategori pengguna Connect Baharu sepanjang Tempoh Kempen ialah Satu Ratus Lima Ribu Ringgit (RM105,000).
9. Jumlah peruntukan pulangan tunai ekstra bagi kategori Pengguna Connect Baharu sepanjang Tempoh Hari Digital ialah Tiga Belas Ribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Ringgit (RM13,980).

#### **Melengkapkan Jumlah Pulangan Tunai**

1. Para Pemenang akan dimaklumkan melalui SMS dan/atau e-mel dalam masa enam puluh (60) hari selepas tamat Tempoh Kempen sekiranya mereka dipilih sebagai Pemenang Pulangan Tunai.
2. Jumlah Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i para Pemenang Pulangan Tunai dengan Bank sebelum 30 November 2021.
3. Oleh yang demikian, Pemenang Pulangan Tunai perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif dengan Bank sehingga 30 November 2021. Sekiranya mereka gagal, Jumlah Pulangan Tunai akan dibatalkan.
4. Pelanggan yang tidak memiliki mana-mana CASA/CASA-i dengan Bank dikehendaki membukanya sebelum 14 November 2021 untuk membolehkan Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i mereka dengan Bank.
5. Pemenang Pulangan Tunai diminta menghubungi Bank sebelum 15 Disember 2021 jika Pulangan Tunai tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik tidak akan diproses.

**Am**

1. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
  - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami dan terikat dengan T&S yang terkandung;
  - (ii) mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Bank. Kedua-dua notis ini disediakan di laman web HLB ([www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)) dan laman web HLISB ([www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my));
  - (iii) semua rekod tentang memenuhi syarat-syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen dan pemilihan Pemenang Pulangan Tunai adalah tepat dan muktamad;
  - (iv) keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
  - (v) kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan nombor mudah alih mereka kepada Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)), atau mana-mana vendor yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS bagi Kempen ini;
  - (vi) bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku perubahan;
  - (vii) mengakses Laman Web Kempen di [www.hlb.com.my/bill](http://www.hlb.com.my/bill) ("**Laman Web Kempen**") pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut yang mungkin dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa melalui mel segera atau pesanan ringkas; dan
  - (viii) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
2. Bank berhak:
  - (i) dengan memberikan notis awal yang munasabah kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen dan/atau halaman Media Sosial rasmi HLB; dan
  - (ii) untuk membatalkan Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan tidak mematuhi T&S yang terkandung, Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad HLB dan semua undang-undang/peraturan lain yang terpakai.
3. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang terkandung, Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad HLB, T&S Kempen yang terkandung di sini akan diutamakan bagi meliputi percanggahan tersebut.
4. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan digunakan.
5. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
6. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.